

U B310 DEB

MAHATHIR

(I)

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGULANGI BAHAWA KEPUASAN HATI RAKYAT MERUPAKAN FAKTOR PENTING BAGI MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA.

BELIAU BERKATA BAHAWA PILIHAN PERLU DIBUAT, NEGARA AKAN LEBIH MENGUTAMAKAN PEMBANGUNAN DARIPADA PERSENJATAAN.

+OLEH KERANA KOS SENJATA DAN PERALATAN TENTERA MENINGKAT DAN MELEBIHI KEMAMPUAN NEGARA, KITA TIDAK MEMPUYAI PILIHAN LAIN KECUALI MENGURANGI PERUNTUKKAN KEPADA ANGKATAN TENTERA,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN SEMINAR MENGENAI KESELAMATAN NEGARA DI SINI HARI INI.

SEMINAR TIGA HARI +PERSIDANGAN KEBANGSAAN MENGENAI KESELAMATAN: CABARAN DAN REAKSI+ ITU MERUPAKAN YANG PERTAMA ANJURAN INSTITUT STRATEGIK DAN KAJIAN ANTARABANGSA (ISIS).

SEMINAR ITU DIHADIRI OLEH 145 ORANG YANG TERDIRI DARIPADA TOKOH-TOKOH NEGARA DAN PEGAWAI YANG TERLIBAT DALAM MERUMUSKAN DAN PELAKSANAAN DASAR KESELAMATAN NEGARA. -- LAGI

1123MST 15 07 86

U B312 DEB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

(I)

BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN ONN, MENTERI PERTAHANAN DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK KHALIL YAAKOB, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK RADZI SHEIKH AHMAD, BEKAS MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE DAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN TAN SRI ZAIN AZRAAI MERUPAKAN ANTARA MEREKA YANG MENGHADIRINYA .

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA JUGA MENGUTAMAKAN KERJASAMA DENGAN NEGARA-NEGARA SAHABAT DAN JIRAN +DENGAN HARAPAN BAHAWA MELALUI LANGKAH ITU, MALAYSIA TIDAK MEMPUYAI BANYAK MUSUH.+

WALAUPUN MALAYSIA TIDAK BERUPAYA MEMPERTAHAKAN SERANGAN MUSUH YANG KUAT DALAM PEPERANGAN KONVENSIONAL, PERDANA MENTERI YAKIN PASUKAN KESELAMATAN MAMPU +MENCEDERAKAN+ SESIAPA YANG CUBA MENCEROBOH NEGARA.

+SELEPAS ITU, PERANG GERILA TIDAK AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA MUSUH UNTUK BERMEGAH-MEGAH DENGAN KEMENANGAN MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN AMATLAH PENTING NEGARA MEMBERI PENEKANAN KEPADA KESELAMATAN MENYELURUH DALAM DUNIA MODEN INI, PERTAHANAN NEGARA TIDAK SEHARUSNYA MENJADI TANGGUNGJAWAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN SAHAJA. -- LAGI

1207MST 15 07 86

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN TUGAS MEMPERTAHAKAN NEGARA TIDAK SEHARUSNYA DIBEBANKAN KEPADA PASUKAN KESELAMATAN, PARA MENTERI KABINET DAN PENTADBIRAN KERAJAAN TETAPI IA MENJADI TANGGUNGJAWAB SEMUA RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KESELAMATAN NEGARA BERGANTUNG KEPADA KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI DAN KEHARMONIAN SOSIAL.

+TANPA FAKTOR-FAKTOR INI, SENJATA YANG MODEN SEKALIPUN DI DUNIA TIDAK DAPAT MENGHALANGI SESEBUAH NEGARA DARIPADA DITAKLUK OLEH MUSUHNYA,+ KATA BELIAU.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA SELAIN PENGGANAS KOMUNIS, MALAYSIA TIDAK MEMPUYAI MUSUH BUAT MASA INI WALAUPUN ADA SESETENGAH PIHAK ATAU NEGARA YANG CUBA MENGGUGAT KESELAMATAN NEGARA.

SATU DARIPADA CARANYA IALAH MELALUI BIDANG EKONOMI YANG MALAYSIA MENUNJUKKAN PENCAPAIAN YANG MENGGALAKKAN PADA MASA-MASA LEPAS DENGAN MENCATATKAN PERTUMBUHAN ANTARA 6 HINGGA 8 PERATUS SETAHUN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI

1217MST 15 07 86

D870

U B315 DEB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT BERPUAS HATI EKORAN KEJAYAAN ITU DAN MEREKA TIDAK MUNGKIN MENGGUGAT KESELAMATAN NEGARA TETAPI KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG MENGANCAM KESELAMATAN DAN KESTABILAN NEGARA.

BELIAU BERKATA MEMANDANGKAN KEMELESETAN DIRANCANG OLEH KUASA-KUASA LUAR, MAKA TIDAKLAH MUSTAHIL UNTUK MENGESYAKI BAHAWA MUSUH YANG BELUM DIISYTIHARKAN MELAKUKANNYA DENGAN LICIN DAN RAPI.

KATANYA, AKIBAT KEMELESETAN ITU, SESETENGAH NEGARA MENGHADAPI MOGOK DAN RUSUHAN DAN PERASAAN TIDAK PUAS HATI DI KALANGAN RAKYAT BOLEH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JELASLAH BAHAWA KEADAAN POLITIK MODEN TIDAK STABIL DAN MASALAH KESELAMATAN PASTI TIMBUL KECUALI JIKA KERAJAAN ITU KUAT DAN BERUPAYA MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KETENTERAMAN.

BELIAU MENAMBAH KATA MASALAH SOSIAL JUGA BOLEH MENGGUGAT KESELAMATAN NEGARA TERUTAMA JIKA NEGARA BERKENAAN TERDIRI DARIPADA PENDUDUK YANG BERLAINAN KAUM ATAU FAHAMAN AGAMA.

KEADAAN MUNGKIN BERTAMBAH BURUK JIKA PIHAK YANG INGIN MENJADI +JUARA+ CUBA Mencari populariti untuk kepentingan sendiri. INI AKHIRNYA AKAN MEMBAWA KEPADA KETIDAKSTABILAN DAN MENGANCAM NEGARA.

-- LAGI
1227MST 15 07 86

U B319 DEB
MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ANCAMAN KESELAMATAN BOLEH DIELAKKAN JIKA RAKYAT MEMATUHI UNDANG-UNDANG.

+JIKA ANDA MELANGGAR UNDANG-UNDANG SEMATA-MATA KERANA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGANNYA MAKA PERATURAN HIDUP YANG SEMPURNA TIDAK MUNGKIN TERCAPAI.

+UNDANG-UNDANG, ETIKA DAN TINGKAH-LAKU DITENTUKAN OLEH RAKYAT. OLEH ITU, IA HENDAKLAH DIPATUHI. JIKA SESETENGAH RAKYAT MELANGGARNYA, YANG LAINNYA HENDAKLAH BERTINDAK UNTUK MENGAWALNYA.+

PERDANA MENTERI BERKATA HAK GOLONGAN MINORITI HENDAKLAH DIHORMATI DAN BEGITU JUGA DENGAN HAK GOLONGAN MAJORITI, KAUM MINORITI HENDAKLAH MENGHORMATINYA.

+HANYA SIKAP HORMAT-MENGHORMATI ANTARA SATU SAMA LAIN BOLEH MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG HARMONI DAN HANYA MASYARAKAT YANG BERHARMONI SAHAJA BOLEH MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG TERJAMIN,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERHARAP PERSIDANGAN TIDAK ITU MENJADI FORUM POLITIK UNTUK MEMBIDAS KERAJAAN. -- BERNAMA
1241MST 15 07 86